



Sebutharga adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA di bawah kod bidang berikut:-

NOMBOR SEBUHARGA	KETERANGAN KERJA	KOD BIDANG	TARIKH TUTUP
JTM 01/2016	SEBUTHARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MELATIH & MENTAULIAH 1 UNIT SERVER (WEB APPLICATION) DI MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH	210103 210109	2 OGOS 2016

1. Segala butiran bagi spesifikasi peralatan ICT dan dokumen boleh didapati di Jabatan Teknologi Maklumat, Majlis Perbandaran Alor Gajah semasa waktu pejabat **dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang mulai 20 Julai 2016 (Rabu)**.
2. Pembekal yang ingin memasuki sebutharga hendaklah menyediakan Wang Tunai / Wang Pos / Cek berharga **RM 53.00** senaskah atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Alor Gajah** sebagai bayaran dokumen sebutharga. Sila bawa **Sijil Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan, iaitu Akuan Pendaftaran Kontraktor** di dalam bidang yang dinyatakan semasa membeli sebutharga tersebut beserta sesalinan dokumen tersebut.
3. Pembayaran akan dibuat setelah bekalan disempurnakan dengan memuaskan.
4. Dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di Majlis Perbandaran Alor Gajah sebelum atau pada **2 Ogos 2016 (Selasa) sebelum jam 12.00 tengahari**. **Dokumen sebutharga yang diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak**. Sebutharga adalah sah selama 90 hari selepas ini.
5. Majlis tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah sekali.